

Dekan,
Sekolah Pengajian Siswazah (Kejuruteraan),
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Skudai,
JOHOR DARUL TAKZIM
(U/P : Prof Madya Dr. Aminaton bt Marto)

2 JANUARI 2008

Yang Berbahagia Profesor,

MEMOHON PENGURANGAN YURAN PENGAJIAN

Perkara diatas adalah dirujuk. dan surat sebelum ini pada november 2007 berkaitan

srt
ber
dada
undp
3/1

2. Untuk makluman Yang Berbahagia Profesor, saya adalah merupakan seorang pelajar yang sedang mengikuti kursus Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik & Telekomunikasi) secara kerja kursus separuh masa (Persisir) di Kuala Lumpur dan berada di semester terakhir. Dalam pada itu juga, dimaklumkan saya bertugas sebagai Penolong Pendaftar (Tetap) di Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTM City Campus Kuala Lumpur.

3. Sehubungan dengan itu, saya ingin memohon jasa baik Yang Berbahagia Profesor agar dapat memberi pengurangan yuran kepada saya agar dapat dapat mengurangkan beban kewangan yang ditanggung. Untuk makluman Yang Berbahagia Profesor, saya tidak memperolehi daripada mana-mana tajaan untuk membayar yuran pengajian ini. Sepanjang pengajian, saya telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memperolehi keputusan yang baik, keputusan CPA yang terkini saya adalah 3.42 bagi semester lepas.

4. Oleh yang demikian, saya sangat berharap agar permohonan saya ini dapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya daripada Yang Berbahagia Profesor. Segala budi baik dan kerjasama yang akan dihulurkan kelak amatlah saya hargai dan didahului dengan jutaan terima kasih.

Sekian terima kasih.

Yang benar,


MOHD SHARIL BIN ABDULLAH
d/a : Pejabat Hal Ehwal Pelajar
Universiti Teknologi Malaysia City Campus
Jalan Semarak
54100 Kuala Lumpur
012-6892758 / 03-26154760

ME 061108

Azura,
Bawa ke JAPSU.


11/11/08
TRCSPS